

CNS2174

R GB 20-09 00135 BH548

Bah

Mahathir - Perutusan

MALAYSIA BUKTIKAN KOMITMENNYA DALAM MEMBANTERAS PENGGUNAAN DADAH

I

KUALA LUMPUR, 20 Sept. (Bernama) -- Komitmen Malaysia dalam mencapai matlamat membebaskan masyarakat daripada dadah dibuktikan menerusi deklarasi dan tindakan tegasnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, selaras dengan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai dekadnya menentang penggunaan dadah, kerajaan akan terus memainkan peranan dalam usaha dunia membanteras dadah.

Dr Mahathir berkata, adalah penting Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) membantu kerajaan dalam usahanya melaksanakan program anti-dadah.

"Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program itu, adalah mustahak pendirian ini mendapat kerjasama NGOs," katanya dalam perutusan sempena Persidangan Komuniti Terapeutik Sedunia ke-16 yang dirasmikan Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar.

Dalam konteks ini, Dr Mahathir berkata, peranan Pemadam patut dipuji.  
-- Lagi

▼20/09/13-48MST

R GB 20-09 00076 BH549

Bah

Mahathir - Perutusan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Penggunaan dadah bukan sahaja sesuatu yang memalukan kepada manusia malah kesannya akan membinasa dan melumpuhkan".

"Oleh itu, pendekatan terapeutik kepada masalah itu daripada segi individu secara keseluruhan memerlukan rawatan" merupakan konsep yang perlu diberi pertimbangan," katanya.

Perdana Menteri berharap persidangan itu akan menjadikan falsafah rawatan itu sebagai sesuatu yang penting dan berharga. -- Bernama

ES ZU OA